

INTERAKSI KERAJAAN JOHOR DENGAN EROPAH: SUATU ANALISIS *HIKAYAT JOHOR DAN TAWARIKH ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR*

(The Johor Government's Interaction with Europe: An Analysis of Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar)

Salmah Jan Noor Muhammad¹
salmahjan@upm.edu.my

Steven Alezender²
GS63579@student.upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.^{1 & 2}

Corresponding author (*Pengarang koresponden*):¹

To cite this article (*Rujukan makalah ini*): Salmah Jan Noor Muhammad & Steven Alezender. (2023). Interaksi kerajaan Johor dengan Eropah: Suatu analisis *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*. *Malay Literature*, 36(1), 25–46. [http://doi.org.10.37052/ml36\(1\)no2](http://doi.org.10.37052/ml36(1)no2)

Received: <i>Peroleh:</i>	12/5/2023	Revised: <i>Semakan</i>	25/5/2023	Accepted: <i>Terima:</i>	26/5/2023	Published online: <i>Terbit dalam talian:</i>	1/6/2023
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	----------

Abstrak

Kerajaan Johor merupakan sebuah kerajaan Melayu yang memiliki sejarah yang panjang. Sejak ditubuhkan pada tahun 1528, kerajaan Johor direkodkan telah diperintah oleh tiga wangsa yang berbeza, iaitu Sultan, Bendahara dan Temenggung yang menyaksikan setiap peralihan kuasa tersebut dilatari dengan peristiwa sejarahnya yang kompleks. Meskipun perjalanan kerajaan yang berkesinambungan dari Kesultanan Melayu Melaka ini tidak sunyi dari hiruk-pikuk pergeseran politik, namun kerajaan Johor pada hakikatnya mampu bertahan lama dalam menongkah arus masa sehingga akhirnya berjaya menempatkan diri dalam era pemodenan sewaktu di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar. Sehubungan dengan itu, makalah ini bertujuan mengenal pasti interaksi kerajaan Johor semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar dengan Eropah sehingga kerajaan Johor digelar sebagai kerajaan moden. Kajian yang berbentuk kualitatif ini telah memanfaatkan

naskah historiografi Melayu yang berjudul *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* sebagai data kajian. Analisis kajian dengan menggunakan teori bentuk interaksi dan lingkungan sosial antara tamadun menemukan interaksi kerajaan Johor dengan Eropah berlaku dalam konteks perkongsian yang membabitkan sosiobudaya dan teknologi serta kerjasama dari sudut politik. Rentetan hasil kajian tersebut, maka dapatlah disimpulkan bahawa Sultan Abu Bakar merupakan susuk pemerintah yang bijaksana dalam menjalankan interaksi dengan Eropah sehingga melayakkan baginda digelar sebagai Bapa Pemodenan Johor.

Kata kunci: Interaksi, kerajaan Johor, Sultan Abu Bakar, Eropah, *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*, Bapa Pemodenan Johor

Abstract

The Johor government is a Malay government that has a long history. Since its establishment in 1528, the Johor government has been recorded to be ruled by three different nobilities, namely the Sultan, the Bendahara and the Temenggung, all of whom have witnessed every transition of power, alongside its complex historical event. Although the Johor Sultanate is the descendant of the Malaccan Sultanate, the Johor government is not an exception to political turmoil and shifts. The Johor government was able to endure for a long period in bucking the tide of time until it finally succeeded in establishing itself in the era of modernization under the reign of Sultan Abu Bakar. In this regard, this paper aims to identify the interaction between the Johor government under the reign of Sultan Abu Bakar with Europe until the Johor government was nicknamed the modern government. This qualitative study uses the Malay historiography manuscript entitled Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar as its data. The analysis using the theory of forms of interaction and social environment between civilizations found that the interactions between the Johor government occurred in the context of a partnership involving sociocultural and technological as well as political cooperation. Based on the results of the study, it can be concluded that Sultan Abu Bakar was a wise ruling figure in establishing interactions with Europe, thus earning the title as the Father of Johor Modernization.

Keywords: Interaction, government of Johor, Sultan Abu Bakar, Europe, Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar, Father of Johor Modernization

PENGENALAN

Peristiwa keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka pada 10 Ogos 1511 telah memungkinan tertubuhnya Kerajaan Johor sebagai legasi pemerintahan sebelum ini. Dalam kalangan para sarjana yang menekuni sejarah kerajaan Johor, sekurang-kurangnya terdapat dua pandangan yang saling bercanggah berhubung dengan batang tubuh yang mengasaskan kerajaan Johor tersebut. Pendapat pertama yang diajukan oleh Winstedt (2001) misalnya menyatakan bahawa kerajaan Johor diasaskan oleh Sultan Mahmud Syah yang merupakan Sultan Melaka terakhir setelah Melaka dikalahkan oleh Portugis. Pendapat yang kedua pula dibarisi oleh Abdullah Zakaria Ghazali (2016) dan Andaya dan Andaya (1982) yang menyungguhkan Sultan Alauddin Riayat Syah II sebagai pengasas kerajaan Johor.

Siti Zahrah (2021) ketika menyaring pendapat pertama dengan menyandarkannya pada peristiwa sejarah menegaskan bahawa Sultan Mahmud Syah bukanlah pengasas kerajaan Johor kerana baginda diketahui tidak berdiam lama di satu-satu tempat lantaran baginda hanya singgah untuk berlindung dan memperkuat angkatan bagi menyerang Portugis (hlm. 80–83). Berikutan janji Sultan Mahmud Syah untuk merajakan Raja Ali, Raja Muzaffar yang sebelumnya menggantikan Sultan Ahmad Syah telah diturunkan daripada takhta untuk memberikan laluan kepada putera Tun Fatimah tersebut. Oleh itu, pendapat kedua yang meyakini kerajaan Johor diasaskan oleh Raja Ali dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah II adalah lebih tepat berbanding dengan pendapat yang pertama. Sebagai sebuah kerajaan yang diasaskan dari rentetan peristiwa peperangan, kerajaan Johor telah mengambil masa yang lama dan perlahan-lahan dalam meneruskan kelangsungan pemerintahan di bawah landskap politik yang berbeza. Sepanjang abad ke-16 hingga abad ke-21, kerajaan Johor telah diperintah oleh tiga wangsa, iaitu kerabat diraja Melaka (1530–1699), Bendahara (1699–1877) dan Temenggung (1877–kini) (Mahdi, 2019: 39). Keanekaragaman pemerintah kerajaan Johor tersebut secara tidak langsung turut menyaksikan perjalanan kerajaan Johor diwarnai dengan peristiwa sejarah yang kompleks sehingga mengakibatkan kesukaran untuk memahaminya.

Walaupun meniti perjalanan sebagai sebuah kerajaan yang terkait dengan pergeseran politik dalaman dan luaran seperti yang tercatat dalam sejarah, kerajaan Johor pada akhirnya mampu bertahan dalam menempuh pelbagai peristiwa dan keluar daripada kemelut yang berpanjangan lantas mendaki ke puncak kegemilangan. Kerajaan Johor

yang sebelumnya sering berhadapan dengan hiruk-pikuk konflik mulai dimobilisasikan ke arah yang lebih baik ketika tampuk pemerintahan beralih ke tangan wangsa Temenggung khususnya Temenggung Abu Bakar Seri Maharaja (1862–1895). Tempoh pemerintahan Temenggung Abu Bakar yang kemudiannya memakai gelaran Sultan Abu Bakar sering dianggap oleh para sarjana sebagai titik mula kepada proses pemodenan kerajaan Johor. Dari perspektif yang berbeza, sarjana semisal A. Rahman Tang dan Rahimah (1997) menurut Muhammad Izuan & Mahani (2020) berpandangan bahawa pemodenan yang dilaksanakan oleh Sultan Abu Bakar tersebut bukan untuk kemajuan kerajaan Johor semata-mata kerana dari sudut yang lain, pemodenan tersebut juga berperanan mengukuhkan dan mengabsahkan kedudukan baginda sebagai pemerintah kerajaan Johor (hlm. 2). Proses pemodenan kerajaan Johor oleh Sultan Abu Bakar yang sering disebut-sebut menurut Abdul Rahman Tang (2008) merujuk kepada pengenalan unsur moden dalam pentadbiran kerajaan Johor, pembangunan infrastruktur dan telekomunikasi (hlm. 210). Di samping itu, Sultan Abu Bakar turut menjalinkan persahabatan yang baik dengan Eropah terutamanya dengan British (Ermy Azziaty et al., 2020:65). Hubungan atau interaksi yang terjalin dengan harmoni antara kerajaan Johor dengan British tersebut diperihalkan dengan rinci oleh Mohd Said (1911) lewat karyanya berjudul *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*. Oleh itu, tujahan penulisan kajian ini akan difokuskan terhadap bentuk interaksi antara kerajaan Johor dengan British sebagai usaha baginda memodenkan Johor pada ketika itu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan tafsiran untuk melihat fenomena manusia dalam teks. Oleh itu, hanya satu kaedah sahaja yang digunakan, iaitu penyelidikan kepustakaan memandangkan kajian ini adalah kajian teks dengan menjadikan naskhah historiografi Melayu yang berjudul *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* sebagai data penyelidikan. Kaedah penyelidikan kepustakaan tersebut digunakan untuk mencari dan mencatat semua maklumat yang diperlukan dalam kajian menerusi bacaan rapi bagi memenuhi objektif kajian ini. Maklumat yang diperlukan dalam kajian ini diambil daripada bahan rujukan seperti buku, majalah, latihan ilmiah, jurnal, tesis, artikel, kertas seminar, kertas persidangan, kertas kolokium dan sebagainya sama ada bercetak mahupun dalam bentuk salinan lembut. Bahan-bahan

tersebut diperoleh dari Perpustakaan Tun Sri Lanang dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu yang terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad di Universiti Putra Malaysia.

Dalam pada itu, terdapat tiga tahap tatacara kajian yang diaplikasikan semasa menghasilkan penulisan ini, iaitu pengenalpastian, penganalisan, dan rumusan data. Pada tahap pengenalpastian data, interaksi antara kerajaan Johor dengan Eropah seperti yang terdapat dalam naskhah *Hikayat Johor dan Al-Marhum Sultan Abu Bakar* telah dikenal pasti dan dicatat. Data yang telah dikenal pasti tersebut kemudiannya akan dianalisis untuk menjawab objektif kajian yang digariskan. Berikut hasil daripada analisis data tersebut, satu rumusan dapatan telah dilakukan untuk menghuraikan topik utama.

TEORI BENTUK INTERAKSI DAN LINGKUNGAN SOSIAL ANTARA TAMADUN

Teori bentuk dan lingkungan sosial interaksi antara tamadun yang dimanfaatkan dalam kajian ini dipelopori oleh Kuzyk dan Yakovets (2006) dalam buku mereka yang berjudul *Civilizations: Theory, History, Dialogue and The Future*. Ketika teori ini diketengahkan, Kuzyk yang merupakan seorang profesor berkhidmat sebagai ahli akademik di Akademi Sains Rusia dan turut menyandang jawatan sebagai pengarah Institut Strategi Ekonomi. Sementara itu, Yakovets pula merupakan profesor di Akademi Sains Natural merangkap Presiden Institut Antarabangsa Pitirim Sorokin-Nikolai Kondratieff.

Teori ini dikemukakan oleh kedua-dua sarjana terbabit dalam rangka membincangkan tentang berlakunya dialog antara tamadun. Bersabit dengan perihal tersebut, Kuzyk dan Yakovets (2006) menyatakan bahawa dialog antara tamadun merupakan salah satu aspek dalam sistem interaksi antara tamadun yang membuka lembaran baharu dalam bidang geopolitik yang diiktiraf serta disebar secara meluas sejak akhir abad ke-20 (hlm. 154). Kewujudan dialog antara tamadun tersebut bertitik tolak daripada sebuah resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengisytiharkan tahun 2001 sebagai tahun dialog antara tamadun di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri.

Resolusi yang lahir dari Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan judul “Agenda Global untuk Dialog antara Tamadun” tersebut mengemukakan beberapa perkara yang telah disepakati oleh pihak yang terlibat dalam perhimpunan seperti yang berikut:


- (1) Semua tamadun hendaklah meraikan kepelbagaian manusia menerusi dialog antara tamadun.
- (2) Globalisasi tidak hanya merangkumi ekonomi, kewangan dan proses teknologi yang menawarkan kelebihan yang hebat tetapi turut menyangkut cabaran untuk memelihara dan meraikan keintelektualan dan kepelbagaian budaya manusia dalam sesebuah tamadun.
- (3) Menjadi suatu keperluan untuk mengakui dan menghormati kepelbagaian tamadun dan mencari titik persamaan antara tamadun dalam usaha menangani cabaran kemanusiaan yang dihadapi.
- (4) Dialog antara tamadun mahupun dalam tamadun merupakan proses yang dicetuskan daripada keinginan secara kolektif untuk belajar, meneliti andaian dan berkongsi makna dan nilai teras serta mengintegrasikan pelbagai perspektif menerusi dialog.

Perkara yang digariskan dalam resolusi tersebut secara tidak langsung telah mengemukakan suatu takrifan yang luas terhadap dialog antara tamadun, iaitu merujuk kepada penyediaan suatu medan kepada masyarakat yang bertamadun untuk mengaplikasikan konsep saintifik dalam dialog antara tamadun sebagai asas kepada praktikal. Berkaitan dengan konsep dialog itu sendiri, Kuzyk dan Yakovets (2006) mendakwa bahawa perkara tersebut bukanlah sesuatu yang baharu (hlm. 155). Dialog pada awalnya mula berkembang semasa era Yunani Kuno dan berasal daripada perkataan *dialogos* yang membawa erti bercakap atau perbualan. Konsep dialog yang pada mulanya digunakan dalam penulisan falsafah Plato kemudiannya telah tersebar dan digunakan secara meluas dalam drama kesusasteraan, perkara saintifik dan juga politik.

Takrifan semasa terhadap istilah dialog sebenarnya tidak jauh bezanya dengan istilah Yunani Kuno, iaitu merujuk kepada komunikasi antara dua atau lebih individu untuk mencapai persefahaman. Dalam amalan berdialog, amalan tersebut lazimnya menuntut individu yang terlibat untuk berfikir secara terbuka serta menghormati kepelbagaian pandangan semasa proses dialog berlangsung. Berikutan itu, dialog sebenarnya bukan hanya sekadar suatu bentuk ceramah dan komunikasi lisan antara manusia tetapi juga merupakan proses pertukaran dan perkongsian pandangan serta pengalaman yang bertujuan membentuk persefahaman, keterbukaan dalam perbezaan pandangan, tradisi dan cara hidup serta mencari suatu pendekatan baharu.

Ketika membicarakan dialog antara tamadun pula, terdapat perkara penting yang perlu difahami khususnya berkaitan dengan kedudukan

dialog dalam sebuah sistem interaksi antara tamadun. Dalam bentuk interaksi antara tamadun, kedudukan dialog antara tamadun boleh dilihat berdasarkan rajah yang berikut:



Rajah 1 Teori bentuk dan lingkungan sosial interaksi antara tamadun oleh Kuzyk dan Yakovets (2006).

Rajah 1 menunjukkan bentuk interaksi antara tamadun yang memberikan gambaran tentang kedudukan dialog dalam bentuk tersebut. Dalam rajah tersebut, bentuk interaksi antara tamadun termasuklah konflik, konfrontasi, dialog, kerjasama dan juga bersekutu atau perkongsian. Konflik antara tamadun kebiasaannya melibatkan konflik ketenteraan di pelbagai peringkat baik dunia mahupun serantau. Konflik ketenteraan yang berlaku berkemungkinan berakhir dalam dua keadaan yang berbeza. Pertama, konflik tersebut mungkin berakhir dengan menyaksikan tertubuhnya keseimbangan baharu antara kedua-dua belah pihak yang berperang. Kedua, konflik ketenteraan tersebut akan tamat dengan berlakunya penaklukan atau kemusnahan terhadap tamadun yang kalah bahkan juga akan menyebabkan tamadun tersebut lenyap daripada lipatan sejarah sebagai sebuah tamadun yang berjaya.

Bentuk interaksi antara tamadun yang dicetuskan oleh konfrontasi pula memperlihatkan antagonisme dalam sesebuah ruang geotamadun yang mungkin bertahan untuk suatu tempoh masa berabad-abad dan kadang kala akan berkembang menjadi konflik. Sebagai contoh, bentuk interaksi yang dicetuskan oleh konfrontasi ini berlaku antara Eurasia dengan tamadun Barat dalam tempoh Perang Dingin yang secara tidak langsung turut menyebabkan pelanggaran oleh kedua-dua buah kuasa di Korea dan juga Vietnam.

Dialog antara tamadun pula mengemukakan pelbagai aspek seperti meluaskan persefahaman antara tamadun secara beransur-ansur, menggalakkan perdamaian antara tamadun yang bermusuhan dan juga

meningkatkan toleransi dan kesediaan antara tamadun untuk menjalinkan kerjasama. Hubungan yang terjalin antara Eurasia dengan Jepun selepas Perang Dunia Kedua merupakan contoh yang boleh dikemukakan untuk melihat peranan dialog dalam interaksi antara tamadun.

Sementara itu, kerjasama antara tamadun dalam bentuk dan lingkungan sosial interaksi antara tamadun memainkan peranan dalam menyelesaikan masalah yang berpunca daripada konflik ketenteraan, contohnya antara Eurasia, Amerika Utara dan sebahagian tamadun Barat semasa Perang Dunia Kedua dengan memberikan keuntungan kepada kedua-dua belah pihak yang berkonflik dalam menyelesaikan hal yang berkaitan dengan objektif strategik bersama-sama seperti pembangunan senjata nuklear dan isu alam sekitar. Dalam usaha merealisasikan hal ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan organisasi antarabangsa yang lain akan menjalankan fungsi sebagai medan untuk memeterai kerjasama tersebut.


Bentuk interaksi yang terakhir ialah bersekutu atau perkongsian merupakan suatu bentuk kerjasama di peringkat tertinggi yang terjalin dalam jangka masa yang panjang, stabil dan saling menguntungkan kedua-dua belah pihak yang bersekutu atau berkongsi lantaran soal kepentingan bersama tidak menghapuskan perbezaan mereka dalam bidang tertentu. Interaksi dalam bentuk bersekutu atau perkongsian ini boleh dilihat menerusi perkongsian antara tamadun Eropah Barat dengan Amerika Utara selepas peperangan. Berdasarkan perbincangan terhadap setiap bentuk interaksi antara tamadun tersebut, maka boleh dirumuskan bahawa:

- (1) Konflik akan membabitkan isu ketenteraan.
- (2) Konfrontasi akan bersangkutan dengan isu politik.
- (3) Dialog, kerjasama dan bersekutu atau perkongsian akan menyangkut politik, sosiobudaya, ekonomi, teknologi dan ekologi.

NASKHAH HIKAYAT JOHOR DAN ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR

Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar diterbitkan buat julung kalinya pada tahun 1908 dengan judul *Hikayat Johor*. *Hikayat Johor* tersebut kemudiannya mengalami proses susunan semula oleh pengarangnya, iaitu Mohd. Said Sulaiman pada tahun 1911 dengan meluaskan lagi judulnya menjadi *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* seperti yang diketahui sekarang (Mahdi, 2019:89). Naskhah yang dikarang menggunakan tulisan Jawi ini telah diulang cetak sebanyak 11 kali bermula dari tahun 1908 hingga tahun 1955 dan juga pernah dijadikan sebagai buku teks sejarah di sekolah-sekolah kerajaan

Johor sebelum Perang Dunia Kedua (A. Rahman Tang, 2011:22). Tujuan Mohd Said antara lainnya didorong oleh ketiadaan naskah yang memerihalkan Sultan Abu Bakar sebelumnya di samping perasaan beliau sendiri yang ingin menyanjung tokoh yang ditulis olehnya. Hikayat ini berukuran 24.5 × 14.5 cm dan mempunyai 51 halaman.



Rajah 2 Naskah *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*.

Kandungan naskah ini dicerakinkan oleh pengarangnya kepada 26 fasal. Lima fasal yang terawal dimanfaatkan untuk mengisahkan pembentukan Kesultanan Johor oleh Sultan Alauddin Riayat Syah II (1528–1564) yang bertapak di Kota Tinggi. Pengarang didapati tidak menyentuh sama sekali perihal pemerintahan empat lagi Sultan Johor yang berketurunan Melaka sebaliknya hanya menumpukan peristiwa berakhirnya pemerintahan keturunan Kesultanan Melayu Melaka selepas kemangkatan Sultan Mahmud Shah II. Ceritera naskah ini kemudiannya diteruskan dengan memerihalkan permulaan era pemerintahan wangsa Bendahara oleh Tun Abdul Jalil dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Mohd. Said seterusnya mencatatkan perihal peralihan tampuk pemerintahan kepada wangsa Temenggung dengan memberikan perhatian khusus pada era pemerintahan Sultan Abu Bakar. Kajian ini menggunakan naskah *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* yang diselenggarakan oleh A. Rahman Tang terbitan Yayasan Warisan Johor pada tahun 2011.

PERBINCANGAN

Istilah interaksi sebenarnya diberikan pelbagai konotasi daripada para sarjana yang berusaha untuk mentakrifkannya berdasarkan sudut pandang disiplin ilmu masing-masing. Secara mudahnya, *Ensiklopedia Global* (2001) mentakrifkan interaksi sebagai suatu bentuk tindakan ataupun perhubungan aktif yang berlaku antara satu sama lain atau tindak balas antara dua atau beberapa pihak. Maka, istilah interaksi bolehlah dirumuskan sebagai satu bentuk hubungan yang aktif yang terjalin antara satu atau lebih pihak. Interaksi secara umumnya bukanlah sesuatu yang asing dalam kalangan manusia kerana menurut Ibn Khaldun (2010), interaksi merupakan proses yang wujud disebabkan oleh lumrah manusia yang saling bergantung antara satu sama lain dalam rangka memenuhi kehendak mahupun keperluan untuk meneruskan kelangsungan hidup. Rekod sejarah sendiri jelas membuktikan bahawa interaksi sudah pun bermula seawal zaman pra-sejarah lagi dan berterusan sehingga ke zaman kemunculan tamadun (Afaf & Ermy Azziaty, 2021: 7–13).

Sehubungan dengan itu, dalam usaha membawa kerajaan Johor ke arah pemodenan, Sultan Abu Bakar telah mengambil inisiatif menjalinkan interaksi dengan kuasa luar khususnya dengan British. Menariknya, ketika negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu sedang bergelut dengan perebakan kuasa British, Sultan Abu Bakar berjaya melentur peluasan kuasa British tersebut menjadi sebuah interaksi yang harmoni sehingga akhirnya memberikan impak yang positif kepada kerajaan Johor sendiri. Perihal interaksi yang terjalin antara kerajaan Johor dengan British tersebut dirakamkan rinciannya dalam naskhah historiografi Melayu berjudul *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*. Berdasarkan penelitian terhadap naskhah historiografi Melayu tersebut, interaksi yang terjalin antara kerajaan Johor dengan Eropah khususnya British tercerna dalam bentuk perkongsian yang membabitkan sosiobudaya dan teknologi dan kerjasama yang menyangkut politik.

PERKONGSIAN

Kemajuan yang dikecap oleh setiap tamadun sebenarnya berkait rapat dengan proses interaksi yang berlaku antara tamadun. Kebergantungan kemajuan sesebuah tamadun dengan proses interaksi adalah disebabkan oleh tindakan manusia dari tamadun berbeza yang saling berinteraksi dalam menjalankan aktiviti seharian sehingga mewujudkan keadaan saling memenuhi fungsi dan keperluan antara satu sama lain dalam masyarakat

dari tamadun yang berbeza (Amir, 2018). Keadaan yang saling memerlukan antara tamadun mengisyaratkan bahawa proses interaksi antara tamadun sebenarnya bertitik tolak daripada keunggulan dan kekurangan yang dimiliki oleh setiap tamadun. Faktor tersebut bertepatan dengan pentakrifan Arnold Toynbee terhadap istilah *encounter* yang merujuk interaksi antara tamadun sebagai pertemuan antara tamadun yang kuat dengan tamadun yang lemah, yakni pertemuan tersebut telah memungkinkan berlakunya pertukaran elemen ketamadunan antara yang kuat kepada yang lemah (Karunakaran, 1958). Bersabit dengan perkara tersebut, sesebuah peradaban di dunia yang memiliki pencapaian yang cemerlang dan unggul dalam sesuatu bidang tidak mustahil turut mempunyai kelemahan yang tersendiri dalam bidang yang lain. Kelemahan yang dimiliki oleh sesebuah tamadun tersebut barangkali diungguli pula oleh tamadun yang lain. Keunggulan dan kelemahan dalam tamadun ini pada akhirnya telah melorongkan perkongsian antara tamadun untuk mengutarakan jalan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi ataupun untuk memenuhi keperluan dalam sesebuah tamadun.

(1) Sosiobudaya

Sosiobudaya secara umumnya merupakan elemen gaya hidup yang menjadi kebiasaan dan pegangan dalam sesuatu kelompok masyarakat. Perkara tersebut diamalkan secara turun-temurun dalam kelompok masyarakat yang memilikinya lantaran diwariskan oleh masyarakatnya dari satu generasi ke satu generasi. Istilah sosiobudaya boleh ditakrifkan sebagai amalan gaya hidup dan peradaban bagi sesuatu masyarakat yang lahir daripada pegangan dan kecenderungan diri untuk pembangunan sosial kehidupan masyarakat berkenaan (Rosfazila, 2019). Maka, berdasarkan pentakrifan yang diutarakan tersebut dapatlah dirumuskan bahawa sosiobudaya ialah amalan yang mencitrakan gaya hidup sesebuah kelompok masyarakat yang dibangunkan oleh kecenderungan kelompok terbabit. Dalam konteks perbincangan, sosiobudaya telah menjadi wahana yang memungkinkan wujudnya interaksi kerajaan Johor sewaktu di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar dengan kuasa Eropah, iaitu British.

Perkongsian dari sudut sosiobudaya antara kerajaan Johor dengan Eropah ini pertama-tamanya boleh dilihat menerusi tindakan Sultan Abu Bakar yang melakukan reformasi dalam pemerintahannya dengan menerapkan undang-undang Inggeris. Kemunculan orientaslisme dalam sejarah ketamadunan manusia menyebabkan seluruh dunia menyaksikan berlakunya penerapan undang-undang Barat dalam sistem pemerintahan

dan kehidupan rakyat peribumi yang dijajah sekitar abad ke-19 dan ke-20. Hal tersebut dilaksanakan oleh kuasa Eropah untuk merealisasikan beberapa muslihat yang tertentu (Esposito, 1996:143–144). Sebaliknya, Sultan Abu Bakar melihat pelaksanaan undang-undang Inggeris dalam kerajaan Johor dari perspektif yang berbeza apabila baginda menerapkannya secara sukarela tanpa wujudnya paksaan daripada pihak Inggeris dengan tujuan mengikuti aturan moden. Tindakan Sultan Abu Bakar yang mengaplikasikan undang-undang Inggeris dalam pemerintahan kerajaan Johor disinggung oleh *Hikayat Johor dan Tawarikh Sultan Abu Bakar* seperti petikan yang berikut:

Syahadan dari semenjak itu Johor Bahru merayap-rayaplah besarnya dan berbagai-bagailah bangsa masuk berniaga dan membuat pekerjaan di situ maka Yang Maha Mulia pun mengadakanlah undang-undang dan aturan bagi menetapkan lembaga kerajaan. Maka segala perintahan dan hukuman yang dijalankan, iaitu diturut aturan bermoden yang diambil dari undang-undang Islam dan undang-undang Inggeris yang demikian berjalanlah segala aturan dan hukuman negeri serta kerja-kerja sama lebih kurang dengan aturan Inggeris zahirnya tetapi sebelah dalamnya tujuannya kepada Islam. Maka sangatlah diperkenan orang-orang sekalian aturan-aturan yang tersebut hingga memujilah masing-masing akan dia. (A. Rahman Tang, 2011:80)

Kecenderungan Sultan Abu Bakar menerapkan undang-undang Inggeris dalam pentadbirannya membuktikan wujudnya perkongsian dari sudut sosiobudaya antara kerajaan Johor pada waktu itu dengan kerajaan British. Keberanian Sultan Abu Bakar menerapkan undang-undang Inggeris dalam pentadbirannya menggambarkan keyakinan baginda terhadap kemampuan undang-undang Inggeris dalam membantu melicinkan lagi pentadbiran kerajaan Johor sekali gus memberikan wajah moden terhadap kerajaan yang diperintah oleh baginda lantaran menurut aturan yang moden. Sungguhpun begitu, baginda sama sekali tidak mengesampingkan undang-undang Islam begitu sahaja malah turut menggandingkannya dengan undang-undang Inggeris untuk diaplikasikan secara serentak agar dari sisi luarannya kerajaan Johor tampil sebagai kerajaan Inggeris namun dari sisi dalamnya pula masih lagi menitikberatkan dan berorientasikan ajaran Islam yang syumul.

Dalam pada itu, interaksi kerajaan Johor dengan British dari aspek perkongsian sosiobudaya turut berlaku dalam upacara pertabalan kerajaan Johor yang berwajah moden. Bersabit dengan perkara tersebut, Muhammad

Izuan & Mahani (2020) menyatakan bahawa setelah tampuk pemerintahan beralih tangan ke wangsa Temenggung, Sultan Abu Bakar telah melakukan inovasi dalam istiadat pertabalan sultan bersesuaian dengan peredaran zaman (hlm. 7–8). Inovasi yang dilakukan oleh baginda menyaksikan pengurangan dalam paluan nobat untuk memberikan laluan kepada elemen baharu seperti permainan muzik oleh pasukan pancaragam yang cenderung meniru prosedur dan protokol adat istiadat diraja England. Perihal tersebut dirincikan oleh *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* seperti petikan yang berikut:

...Yang Maha Mulia pun memakai di istananya pakaian kebesaran yang lengkap dan memakai jubah besar kerajaan, hujungnya itu dijabat oleh empat orang daripada kerabat yang muda-muda, lalu berangkatlah dengan beberapa banyak pengiring ke majlis penghadapan di mana pihak-pihak kerabat, menteri-menteri, pegawai-pegawai, ketua-ketua penghulu dan lain-lain daripada pihak rakyat yang terutama hadir menanti. Maka adalah di sana beberapa banyak dari pihak orang-orang putih yang menjadi pegawai-pegawai dan orang-orang besar di Singapura iaitu Tuan Yang Terutama Gabenor, Konsul-konsul dan lain-lain dan ada pula wakil-wakil kerajaan Melayu lain-lain yang hadir bersama-sama ialah masing-masing itu dengan memakai pakaian kebesaran yang lengkap atau pakaian kehormatan. Maka Bentara pun berserulah demikian bunyinya “Dengar! Dengar! Dengar! Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku hendak berangkat ke majlis kemahkotaan.” Maka baginda pun masuklah ke majlis itu dan pancaragam bermainlah lagu Johor diiringi oleh askar hadir berderet-deret di sebelah luar. (A.Rahman Tang, 2011:111)

Setelah berjaya memeterai perjanjian setia antara kerajaan Johor dengan Inggeris, Queen Victoria lewat perjanjian yang sama pada fasal ketujuh mengaku dan menyertakan bagi Yang Maha Mulia Maharaja Johor dan warisnya untuk memakai gelaran sultan. Berikutan itu, pada bulan Julai 1886, maka diadakanlah istiadat pertabalan Sultan Abu Bakar dengan memakai gelaran sultan dan mahkota kebesaran Johor (Buyong, 1980:281). Istiadat pertabalan Sultan Abu Bakar yang diadakan di Johor Baharu itu telah disaksikan sendiri oleh Gabenor F. A. Weld dan beberapa orang pegawai Inggeris di samping sekalian menteri dan orang besar Johor (Shahrom, 1995:109). Menariknya, upacara pertabalan Sultan Abu Bakar yang dijalankan pada waktu itu menampilkan sedikit kelainan berbanding dengan adat istiadat pertabalan diraja yang dilazimi oleh kesultanan negeri

lain apabila adat istiadat pertabalan baginda dibaurkan dengan elemen dari luar adat istiadat diraja Melayu. Berdasarkan petikan yang diperturunkan, kelainan tersebut jelas terpapar menerusi pemakaian jubah oleh Sultan Abu Bakar serta kehadiran pancaragam yang memainkan lagu Johor. Kedua-dua aspek ini sangat jarang ditemui dalam adat istiadat pertabalan kesultanan Melayu yang kebiasaannya mengenakan busana istiadat bercirikan Melayu dan diiringi oleh paluan nobat ketika pertabalan berlangsung. Jelaslah di sini bahawa inovasi yang dilakukan oleh Sultan Abu Bakar dalam upacara pertabalan tersebut mempunyai pertalian yang erat dengan prosedur dan protokol adat istiadat diraja England seperti yang diperkatakan sebelumnya.

Selain itu, interaksi kerajaan Johor dari sudut perkongsian sosiobudaya berlanjutan dengan penganjuran majlis menari di Istana Tyersall oleh Sultan Abu Bakar. Majlis menari tersebut merupakan suatu keramaian yang tidak keterlaluan sekiranya dikatakan agak asing dalam budaya masyarakat Melayu sendiri lantaran majlis tersebut merupakan kebiasaan yang sering dilazimi oleh masyarakat di Barat. Keadaan ini menjelaskan bahawa Sultan Abu Bakar telah mengadakan sebuah majlis keramaian yang berwajahkan Barat. Penganjuran majlis menari oleh Sultan Abu Bakar seperti yang diperkatakan boleh dilihat menerusi petikan hikayat yang sama seperti yang berikut:

Bermula adalah majlis menari (*ball*) yang diadakan pada malam itu boleh dikatakan sebesar-besar majlis menari iaitu belumlah pernah jadi dalam Singapura dan tanah Melayu sedemikian. Maka orang-orang jemputan yang hadir pada malam itu kira-kira tujuh atau lapan ratus orang. Maka pada malam itu Tuan Yang Terutama Gabenor memakai uniform yang penuh, demikian jua Yang Maha Mulia baginda dan lain-lain pegawai Johor. Maka sekalian aturan yang diadakan itu amatlah dipuji oleh kertas-kertas khabar Inggeris dengan mengatakan aturan yang diadakan itu sukarlah dilawan. Maka sangatlah memberi kesukaan sekalian yang hadir dan pada waktu makan pertengahan malam bangkitlah Yang Maha Mulia baginda minum selamat atas Yang Maha Mulia Queen Victoria diiringkan dengan beberapa ucapan yang munasabah dan perkataan-perkataan yang terpilih. Setelah itu bangkitlah pula Tuan Yang Terutama Gabenor membalas minum selamat itu dengan lafaz-lafaz baik dan bersetuju. Maka bolehlah dikatakan itulah temasya yang besar dan yang akhir dilakukan oleh Yang Maha Mulia baginda kerana di belakang daripada itu mulailah baginda kerap-kerap gering hingga tiadalah berlepas dengan doktor-doktor dan tabib-tabib. (A. Rahman Tang, 2011:127)

Petikan tersebut yang memerihalkan majlis menari anjuran Sultan Abu Bakar membuktikan bahawa wujudnya interaksi dalam bentuk perkongsian dari sudut sosiobudaya antara kerajaan Johor dengan Eropah. Na Tian Phet menyatakan bahawa Sultan Abu Bakar sering mengadakan majlis besar gaya Barat di Istana Tyersall yang merupakan istana kedua yang dibina oleh baginda dan salah satunya ialah majlis menari seperti yang diperihalkan oleh petikan tersebut. Menurut beliau, majlis berkenaan telah dihadiri oleh 600 orang Eropah, 100 orang Melayu dan 50 orang Cina. Na Tian Phet yang turut diundang untuk menghadiri majlis terbabit menyatakan bahawa tetamu yang hadir dihidangkan dengan *wiski*, *brandi* dan soda (Salmon, 2011:137). Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya majlis tersebut dianggap sebagai sebuah majlis paling gah dan belum pernah lagi diadakan dalam tempoh masa tersebut, baik di Tanah Melayu mahupun di Singapura sehingga mendapat pujian daripada akhbar Inggeris.

Selanjutnya, interaksi dalam bentuk perkongsian sosiobudaya ini tidak hanya menyaksikan kerajaan Johor menerima sosiobudaya Eropah semata-mata. Dalam konteks yang sama, perkongsian sosiobudaya ini juga telah memungkinkan pihak British memohon bantuan Sultan Abu Bakar untuk menyelesaikan beberapa masalah yang tercetus dalam negeri yang ditadbir oleh pihak Inggeris. Perihal pihak Inggeris yang memohon pertolongan baginda tersebut boleh disoroti menerusi *Hikayat Johor dan Tawarikh Sultan Abu Bakar* seperti yang berikut:

Arakian dipintalah oleh Tuan Yang Terutama Gabenor akan Yang Maha Mulia Maharaja Johor supaya tolong membetulkan perkara-perkara itu. Demikian jua dalam hal kusutan yang berlaku di negeri Perak kerana adalah pihak-pihak penguasa Perak pada masa itu telah datanglah mendapatkan Tuan Yang Terutama Gabenor minta tolong bicarakan hal berkait. Dan lagi kata gabenor itu percayalah ia akan Yang Maha Mulia Maharaja itulah menyelesaikan perkara itu kerana hal dirinya tentulah tiada berapa mengerti akan aturan orang-orang Melayu lebih daripada diri Yang Maha Mulia. Maka sangguplah Yang Maha Mulia Maharaja bagi menolong dengan seberapa ikhtiar dan diupayanya, yang demikian dihantarkannya beberapa orang kepercayaan bagi memeriksa dan menyelidik perkara-perkara itu serta menasihatkan raja-raja dan orang-orang besar di tempat itu. Maka pada akhirnya dengan beberapa susah dan sakit serta usaha dan bijaksana menteri-menteri Yang Maha Mulia, maka dapatlah segala punca-punca itu serta diperselesaikan. Maka mana-mana orang yang didapati salah diserahkan kepada pihak government Inggeris bagi dihukumkan adanya. (A. Rahman Tang, 2011:91)

Sekitar tahun 1871 Masihi hingga 1873 Masihi, kerap kali berlaku pergeseran dalam kalangan orang Melayu di Perak, Selangor dan juga Kelang yang melibatkan golongan aristokrat. Perebutan kerajaan di Perak dan huru-hara yang dicetuskan oleh Raja Mahadi di Selangor dan di Kelang telah membuatkan pihak kerajaan Inggeris berhadapan dengan kesukaran untuk menangani setiap masalah tersebut. Konflik yang semakin meruncing mendorong Tuan Yang Terutama Gabenor seperti dalam petikan meminta pertolongan daripada Sultan Abu Bakar untuk membantu pihak Inggeris menyelesaikan masalah yang membelenggu Perak, Selangor dan Kelang. Justifikasi Tuan Gabenor memilih baginda untuk membantu pihak Inggeris menyelesaikan kekusutan tersebut disandarkan kepada kearifan baginda yang lebih memahami aturan yang dilazimi oleh orang Melayu sementara baginda sendiri ialah orang Melayu berbanding dengan pihak Inggeris yang sudah tentu tidak mengetahui sama sekali akan adat dan kebiasaan orang Melayu. Justifikasi tersebut jelas membuktikan kewujudan interaksi antara kerajaan Johor dengan Eropah dari sudut sosiobudaya apabila Tuan Gabenor memanfaatkan kearifan sosiobudaya Melayu Sultan Abu Bakar untuk membantu pihak Inggeris menangani masalah yang berbangkit di Perak, Selangor dan Kelang.

(2) Teknologi

Realiti kehidupan manusia pada hari ini tidak boleh dipisahkan dengan kecanggihan teknologi. Teknologi dicipta dan dibangunkan oleh manusia menerusi penyelidikan saintifik dan sistematik dengan tujuan memberikan penyelesaian dan memudahkan setiap aspek kehidupan seharian manusia. Ekoran itu, manusia akan mengalami kesukaran dalam menjalani kehidupan sekiranya teknologi gagal menjalankan setiap fungsi dengan sepatutnya. Keadaan tersebut jelas menunjukkan betapa akrabnya kehidupan manusia dengan teknologi sehingga manusia meletakkan kebergantungan yang tinggi terhadap teknologi. Jika disoroti dari lensa sejarah, kepesatan penciptaan teknologi dalam tamadun manusia tidak hanya baru bermula pada abad ke-20. Malah, teknologi sebenarnya telah berkembang sejak dari awal ketamadun manusia (prasejarah) lagi bersesuaian dengan tahap pencapaian manusia pada waktu tersebut dan berevolusi dari semasa ke semasa mengikut kemajuan tamadun manusia.

Kepentingan teknologi dalam kehidupan manusia telah memungkinkannya menjadi salah satu bentuk interaksi antara kerajaan

Johor dengan British dari sudut perkongsian teknologi. Eropah seperti yang diketahui umum sedari dahulu lagi sememangnya menjuarai penciptaan teknologi dalam ketamadunan manusia. Keadaan tersebut demikian kerana dalam peradaban Eropah, sains dan teknologi telah menjadi tonggak utama di Barat sebelum pertengahan abad ke-19 Masihi. Teknologi yang dihasilkan dengan berasaskan ilmu sains menjadi salah satu faktor penting dalam usaha mengubah masyarakat moden secara mendadak sehingga mendorong peradaban Barat mengukuhkan dominasinya di dunia. Dalam konteks perbincangan, bentuk interaksi menerusi perkongsian teknologi antara kerajaan Johor dengan kuasa Eropah tersebut boleh diperhatikan menerusi petikan *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* seperti yang berikut:

Sebermula pada 10 haribulan April 1865 Yang Maha Mulia Temenggung hendak mencubakan sebuah kapal kenaikannya yang baru diperbuat datang dari Eropah. Maka kapal itu bernama Jauhar dan inilah kapal yang pertama-tama dimiliki oleh baginda. Maka duduklah kapal itu di tambatan Teluk Belanga. Yang demikian pada hari itu sibuklah orang-orang pergi melihat kapal itu. Dan, ada pula berapa banyak orang yang dititahkan oleh Yang Maha Mulia boleh naik berhilir bersama-sama. Tetapi Yang Maha Mulia sendiri bersama-sama beberapa mem-mem dan tuan-tuan orang putih menanti di Singapura kerana niat Yang Maha Mulia hendak mengajak mereka itu makan angin mencuba kapal baru. (A. Rahman Tang, 2011:79)

Berdasarkan petikan tersebut maka dapatlah diketahui bahawa telah berlaku interaksi kerajaan Johor dengan kuasa Eropah dalam bentuk perkongsian teknologi. Interaksi tersebut dibuktikan menerusi tindakan Sultan Abu Bakar yang ketika itu masih lagi memakai gelaran Yang Maha Mulia Temenggung ingin mencuba sebuah kapal miliknya bernama Jauhar yang baru diperbuat dan didatangkan daripada Eropah. Jelaslah di sini bahawa Eropah telah berkongsi teknologi dengan kerajaan Johor khususnya dalam pembuatan kapal. Tindakan Sultan Abu Bakar yang menempah kapal dari Eropah adalah sesuatu yang wajar kerana perkembangan Revolusi Perindustrian di Eropah turut menyebabkan berlakunya perubahan yang besar dalam industri perkapalan terutamanya dengan pembuatan kapal wap (Nursyazwani & De Silva, 2021:24).

(3) Kerjasama

Manusia walaupun ditakdirkan sebagai sebaik-baik ciptaan pada hakikatnya tidak mampu menjalani kehidupan di atas muka bumi secara bersendirian. Jika hanya bergantung harap terhadap diri sendiri, manusia akan sukar memenuhi keperluannya untuk meneruskan kehidupannya di atas muka bumi. Situasi ini jelas memmanifestasikan bahawa manusia itu merupakan makhluk Allah SWT yang lemah. Bagi menutup dan mengimbangi kelemahan tersebut, maka setiap manusia perlu saling berinteraksi untuk melengkapi antara satu sama lain. Selanjutnya, interaksi yang wujud sesama manusia secara tidak langsung akan mewujudkan kerjasama antara manusia bagi memudahkan urusan untuk mendapatkan sesuatu yang diperlukan dalam kehidupan manusia.

(4) Politik

Sejak permulaan tamadun manusia, pengetahuan tentang politik telah pun wujud. Kewujudan tamadun telah memungkinkan politik dipraktikkan apabila manusia mula hidup bersama dalam sesebuah komuniti (Ramanathan, 1992:2). Dari semasa ke semasa, politik terus melalui proses evolusi sesuai dengan dinamika kehidupan manusia seperti sistem yang lain. Ekoran daripada itu, lama-kelamaan, politik menjadi disiplin ilmu yang saintifik dan menjadi perbincangan oleh sarjana silam yang ternama baik Barat mahupun Islam. Sebagai sebuah disiplin ilmu yang saintifik, istilah politik dihujani dengan pelbagai takrifan daripada para sarjana yang menanganinya. Antara lain, politik boleh dikonotasikan sebagai suatu proses dan cara untuk membuat keputusan bagi sesuatu kumpulan (Malike & Mohd Fo'ad, t.th:9).

Bersabit dengan perkara tersebut, kerjasama politik turut menjadi salah satu bentuk interaksi yang terjalin antara kerajaan Johor semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar dengan kuasa Eropah. Dalam erti kata lain, Sultan Abu Bakar telah bertindak membabitkan pihak Inggeris dalam menjalankan pentadbiran kerajaan Johor yang diperintah oleh baginda. Pelibatan pihak Inggeris dalam pentadbiran kerajaan Johor diakui oleh pengarang *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* seperti yang berikut:

Pertama, mengaku sahabat bersahabat antara kedua selama-lamanya. Kedua, jika Johor dapat kesusahan kerana langgaran musuh hendaklah Pahang membantu. Ketiga, jika Pahang dilanggar oleh musuh hendaklah Johor menghantar bantuan. Keempat, ditentukan

Sungai Endau dan Pulau Tioman jadi sempadan antara Johor dengan Pahang. Kelima, hendaklah rakyat antara kedua pihak beroleh sama kebebasan atau hukuman. Keenam, rakyat Inggeris hendaklah diluluskan berniaga dan dapat sama kebebasan atau hukuman seperti rakyat negeri jua. Ketujuh, sekiranya berbangkit apa-apa perselisihan antara kedua hendaklah diserahkan kepada ikhtiar kerajaan Inggeris membicarakan dan kedelapan, tiada boleh salah suatu daripada mereka itu bertulis-tulis dengan kerajaan asing dengan tiada setahu kerajaan Inggeris adanya. Setelah sempurna surat itu diperbuat maka kedua-dua pihak pun menurunkan tandatangan dan mohor masing-masing serta disaksikan oleh Tuan Yang Terutama Gabenor Cavenagh yang memerintah Pulau Pinang, Singapura dan Melaka pada zaman itu. (A. Rahman Tang, 2011:76)

Berdasarkan petikan kandungan perjanjian antara Johor dengan Pahang tersebut, keterlibatan British dalam pentadbiran kerajaan Johor boleh dilihat dengan jelas apabila kedua-dua buah negeri pada fasal ketujuh mencapai kata sepakat untuk menyerahkan ikhtiar kepada kerajaan Inggeris bagi menyelesaikan perselisihan antara Johor dengan Pahang sekiranya perkara tersebut berlaku suatu hari kelak. Pada masa yang sama, kedua-dua negeri saling bertegah untuk berhubung dengan kerajaan asing yang lain tanpa pengetahuan kerajaan Inggeris seperti yang dinyatakan dalam fasal kelapan. Persetujuan yang dicapai kedua-dua buah negeri dalam perjanjian terbabit kemudiannya disahkan di hadapan Tuan Yang Terutama Gabenor Cavenagh yang merupakan Gabenor Negeri-negeri Selat pada waktu tersebut. Perkara ini jelas memperlihatkan bahawa pihak British telah dibukakan ruang oleh kerajaan Johor untuk terlibat sepenuhnya dalam pentadbirannya lewat perjanjian ini baik sebagai pihak yang dinamakan dalam perjanjian mahupun sebagai saksi perjanjian.

Sementara itu, desas-desus di Singapura yang mengatakan Gabenor Weld ingin mengambil negeri-negeri yang menjadi naungan perintah Inggeris termasuk negeri Johor untuk dimasukkan ke dalam pemerintahan Inggeris (Buyong, 1980:275), telah menimbulkan kegusaran dalam diri Sultan Abu Bakar sehingga baginda berangkat segera ke England untuk mempertahankan kedaulatan negeri Johor. Keberangkatan baginda dalam kadar segera ke England rentetan isu tersebut boleh dilihat menerusi petikan yang berikut:

Bermula adalah pada zaman Gabenor Weld memerintah Straits Settlements iaitu dari tahun 1880 maka pada dewasa itulah mulai berat

Yang Maha Mulia berunding mencari suatu jalan hendak menetapkan kerajaan Johor dalam kemerdekaan. Maka pada akhirnya dibuka oleh Tuhan suatu rundingan iaitu banyaklah ia berangkat ke England supaya beroleh suatu pertolongan bagi menghasilkan maksud itu. Hatta pada 24 Mei 1885, berangkatlah Yang Maha Mulia ke England diringkan oleh Paduka adindanya Yang Amat Mulia Ungku Mohamed Khalid dan Encik Abdul Rahman (Dato' Seri Amar Diraja), dan Encik Abdullah bin Tahir (Dato' Seri Setia Raja). Maka pada masa Gabenor Weld telah balik ke England kerana bercuti dengan membuat kerja kuat sedikit-sedikit. (A. Rahman Tang, 2011:103)

Jika keberangkatan sulung Sultan Abu Bakar ke England sebelumnya boleh disifatkan sebagai santai, keberangkatan baginda ke England untuk kali yang kedua ini pula membawa agenda yang lebih berat. Rentetan daripada isu yang berpunca dari Gabenor Weld, Sultan Abu Bakar berserta rombongannya segera berangkat ke England untuk berikhtiar membuat satu perjanjian setia dengan kerajaan Inggeris (Shaharom, 1995:107). Setelah mengadap Queen Victoria, maka termeterailah perjanjian setia untuk mengukuhkan lagi persahabatan kerajaan Johor dan pihak British pada 11 Disember 1885 (Shaharom, 1995:108). Persetujuan yang diberikan secara mudah oleh Queen Victoria yang memungkinkan lahirnya perjanjian setia antara kerajaan Johor dengan pihak British tersebut menjadi bukti tentang kewujudan kerjasama politik antara kerajaan Johor dengan pihak British. Kerjasama politik ini memungkinkan kerajaan Johor dan pihak British tidak berhadapan dengan sebarang kesukaran dan ketegangan ketika merangka dan menurunkan persetujuan terhadap perjanjian setia tersebut.

KESIMPULAN

Kerajaan Johor pada awal penubuhannya sering berhadapan dengan detik-detik mencabar ekoran konflik bersenjata yang terjadi antara kerajaan Johor dengan Portugis dan juga kerajaan Aceh. Tidak cukup dengan itu, perjalanan kerajaan Johor menjadi bertambah rumit dengan pelbagai hambatan yang berpunca daripada pergeseran dalaman dan luaran yang memungkinkan sejarah kerajaan Johor menjadi beraneka ragam dan sukar untuk difahami. Semenjak ditubuhkan, kerajaan Johor telah berada di bawah tiga wangsa pemerintahan dan landskap politik yang berbeza. Dalam setiap pemerintahan wangsa tersebut pula telah berlaku sejumlah peristiwa yang mewarnai sejarah kerajaan Johor sehingga menjadi panjang dan kompleks. Walaupun mengharungi cabaran demi cabaran seperti yang tercatat dalam

lembaran sejarah, kerajaan Johor akhirnya mampu menongkahkan arus masa dan menapakkan diri di era pemodenan.

Peralihan kerajaan Johor ke era pemodenan bermula apabila tampuk pemerintahan beralih ke Dinasti Temenggung. Ketika pemerintahan kerajaan Johor beralih ke tangan Temenggung Abu Bakar yang kemudiannya memakai gelaran Sultan Abu Bakar, baginda telah melakukan pelbagai inisiatif sebagai usaha memodenkan kerajaan Johor yang diwarisinya itu. Dalam suasana inilah kerajaan Johor tidak keterlaluan dikatakan telah mengalami proses metamorfosis politik dari aspek pembentukan dan pembangunan negerinya. Malah, kerajaan Johor di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar juga turut menjalinkan interaksi harmoni yang condong ke Barat khususnya dengan pihak British. Interaksi harmoni yang terjalin antara kerajaan Johor dengan pihak British tersebut berlaku dalam bentuk perkongsian yang melibatkan sosiobudaya dan teknologi serta kerjasama yang menyangkut hal politik seperti yang dirakamkan oleh Mohd Said Sulaiman dalam *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- A. Rahman Tang Abdullah. (2008). Modernisation or westernisation of Johor under Abu Bakar: A historical analysis. *Intellectual Discourse*, 16(2), 209–231.
- A. Rahman Tang Abdullah. (2011). *Hikayat Johor dan tawarikh almarhum Sultan Abu Bakar*. Yayasan Warisan Johor.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (2016, 8–10 November). *Sejarah perjuangan dan pemerintahan kerajaan Melayu*. Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa “Menyingkap Perjuangan Bangsa”. Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) UiTM Shah Alam, Selangor.
- Afaf Md Din & Ermy Azziaty Rozali. (2021). Konsep interaksi antara tamadun dalam sejarah manusia. *TARIKH, International Journal of Islamic History and Civilization*. 1(1), 1–14.
- Ahmad Nabil Amir. (2018). Tinjauan tentang falsafah dan perspektif Malik Bennabi tentang peradaban. *International Social Science and Humanities Journal*, 4(1), 1–28.
- Andaya, W. B. & Andaya, L. L. (1982). *A history of Malaysia*. Macmillan Education Ltd.

- Buyong Adil. (1980). *Sejarah Johor*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensiklopedia Global*. (2001). SmartGenie Corporation Sdn. Bhd.
- Ermy Azziaty Rozali, Mohd Hafiz Othman & Napisah Karimah Ismail. (2020). Pengaruh kerajaan Uthmaniyyah dalam pentadbiran Islam di negeri Johor pada abad ke-19 oleh Sultan Abu Bakar (1862–1895) dan Sultan Ibrahim (1895–1959). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 3(3), 65–82.
- Esposito, J. L. (1996). *Islam and democracy*. Oxford University Press.
- Ibn Khaldun. (2010). Muqaddimah Ibn Khaldun. Dār al-Tawfiqiyah lil Turāth.
- Karunakaran, K. P. (1958). Encounter between civilization. *SAGE Journals*. 14(2), 166–187.
- Kuzyk, N. & Yakovets, Y. V. (2006). *Civilization theory, history, dialogue and the future*. Institute for Economic and Strategies.
- Mahdi Shuid. (2019). *Mohd Sulaiman pujangga Melayu terakhir di istana Temenggung Johor pada abad ke-20*. [Tesis PhD., Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Malike Brahim & Mohd Fo'ad Sakdan. (t.th). *Modul politik dan pentadbiran*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Izuan Abdul Rahman & Mahani Musa. (2020). Pengukuhan kedaulatan dinasti temenggung dalam Kesultanan Melayu Johor 1855–1895. *Sejarah: Journal of History Department*, 29(1), 1–17.
- Nursyazwani Edinin & De Silva, M. (2021). Perkembangan aktiviti perkapalan dan pelabuhan di Borneo Utara: 1881–1941. *Jurnal Borneo Arkhailogia*. 6(1), 23–40.
- Rahimah Abdul Aziz. (1997). *Pembaratan pemerintahan Johor (1800–1945): Suatu analisis sosiologi sejarah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramanathan. (1992). *Asas sains politik*. Penerbit Fajar Bakti.
- Rosfazila Abd Rahman. (2019). Kesepaduan sosiobudaya dalam kepelbagaian masyarakat majmuk. *Jauhar*, 3(1), 44–50.
- Salmon, C. (2011). Na Tian Piet dan bayangannya di dunia Melayu tahun 1890-an. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 3(1), 121–153.
- Shaharom Husain. (1995). *Sejarah Johor dan kaitannya dengan negeri Melayu*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Siti Zahrah Mahfood. (2021). Pengasas kerajaan Johor. Dlm. Ishak Saat & Ahmad Zainudin Husin, *Institusi Raja: Pelbagai kisah kesultanan alam Melayu*. Penerbit UTHM.
- Winstedt, R. O. (2001). *A history of Malaya*. Marican & Sons.